

# Simulasi sebenar di Norway

KUALA LUMPUR - Wanita Asia pertama merentasi Antartika secara solo, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, berlepas ke Norway malam tadi untuk menjalani latihan fasa kelima selama seminggu, sebagai persediaan mengharungi Ekepedisi Kutub Utara: Misi Kutub ke Kutub 2006/2007.

"Latihan kali ini membabitkan simulasi sebenar yang memberi penekanan kepada aspek fizikal, teknikal dan survival," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Pusat Rehabilitasi di Pusat Perubatan Pantai di sini, semalam.

Katanya, semasa latihan itu, beliau akan mencuba semua peralatan yang bakal digunakan, termasuk pakaian dan alat komunikasi untuk melihat kesesuaian dan ketahanan peralatan terbabit.

Sharifah Mazlina berkata, tumpuan akan diberikan terhadap cara penggunaan kereta luncur salji iaitu peralatan khas untuk membawa semua barang keperluannya semasa ekspedisi itu.

Peralatan khas itu boleh terapung sekiranya terjatuh ke dalam air bagi memastikan semua peralatan yang dibawa selamat.

"Latihan kali ini penting untuk menguji semua peralatan yang akan digunakan dan pembaikan boleh dilakukan sekarang jika terdapat masalah sebelum latihan terakhir (fasa keenam) bermula," katanya.

Syarifah Mazlina yang juga penyarah Psikologi Sukan, Fakulti Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara, berkata, ekspedisi kali ini lebih



SHARIFAH MAZLINA bersedia untuk ujian fizikal di Pusat Perubatan Pantai, Bangsar semalam.

mencabar kerana beliau berisiko tinggi terjatuh ke dalam air berikutan bentuk muka bumi di Kutub Utara yang basah dan lapisan ais yang tipis.

Ekspedisi itu turut melibatkan latihan renang kerana beliau mungkin terpaksa berenang semasa ekspedisi itu jika berlaku pecahan ais.

Sharifah Mazlina berkata, memandangkan beliau terdedah kepada ancaman beruang kutub, beliau turut dibekalkan senjata api magnum .44, sebagai pertahanan diri.

Pada ekspedisi itu, beliau akan ber-

jalan kaki berbanding ekspedisi lepas yang menggunakan *ski-sailing*, iaitu dengan bantuan angin.

Sharifah Mazlina yakin beliau dapat menyempurnakan ekspedisi selama dua minggu itu yang akan bermula 8 April depan.

Pada 9 Disember 2004, beliau mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya merentasi Antartika sejauh 1,110 km dalam tempoh 22 hari, dua hari lebih awal daripada rekod sebelum ini yang dipegang seorang lelaki warga Britain. - Bernama